

# Pemulihan ekonomi ambil masa sehingga 3 tahun

Hampir seluruh sektor terjejas, struktur perlu diperkemas semula

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

**Pemulihan** ekonomi pasca COVID-19 dijangka mengambil masa lama dan sedikit sebanyak ia akan mempengaruhi pelan ekonomi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari, berkata selepas berhadapan dengan krisis kesihatan yang memberi kesan ekonomi paling teruk dalam sejarah, pemulihannya akan memakan masa antara dua hingga tiga tahun.

Ini kerana struktur ekonomi sedia ada perlu dibangunkan dan diperkemas semula.

“Memakan masa dan pastinya akan mempengaruhi pelan pembangunan RMKe-12. Pada awalnya, pelan RMKe-12 dirancang ketika COVID-19 belum melanda Malaysia dan global.

“Namun kehadirannya menyebabkan hampir keseluruhan sektor ekonomi lumpuh seketika selama satu bulan setengah. Sektor ekonomi perlahan-lahan bangkit

semula tetapi amalan perniagaan tidak lagi sama seperti sebelum ini.

“Ekonomi beroperasi dalam konteks normal baharu. Itu belum diambil kira impak ke atas negara lain yang mempengaruhi Malaysia,” katanya kepada *BH*.

Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz semalam menyatakan COVID-19 dilihat tidak memberi impak negatif kepada pelan ekonomi RMKe-12.

Ini kerana RMKe-12 katanya adalah rancangan ekonomi jangka panjang, malah ketika ini kerajaan sedang membuat kajian pelan pemulihan ekonomi yang disasarkan yang dijadual dibentangkan pada hujung bulan ini.

Mohd Yusof berkata, pemulihan perniagaan sesebuah syarikat tidak sama dengan pemulihan ekonomi sebuah negara.

Pemulihan ekonomi negara katanya memakan tempoh masa yang lama bergantung kepada bentuk krisis seperti contohnya, krisis kewangan 1997/98 mengambil masa sekitar dua hingga tiga tahun untuk dipulihkan.

Katanya, COVID-19 dijangka memerlukan masa yang lebih lama untuk dipulihkan kerana ianya memukul keseluruhan sektor ekonomi Malaysia dan juga keseluruhan ekonomi dunia.

“Malaysia adalah sebuah negara terbuka dan bergantung kepada perdagangan antarabangsa. Lebih daripada 30 peratus keluaran dalam negara kasar (KDNK) dijana daripada aktiviti eksport.

“Bagi kebanyakan negara yang



**Sektor utama ekonomi negara terjejas teruk mengambil masa lebih lama untuk dipulihkan contoh sektor pelancongan.**

**Dr Mohd Yusof Saari,**  
Pensyarah Kanan Fakulti  
Perniagaan dan Ekonomi  
UPM

berdagang, impak COVID-19 berkemungkinan menyebabkan peralihan hab rangkaian nilai global dan pemeriksaan pengeluaran domestik. Jadi penumpuan eksport, arah dan struktur dagangan Malaysia sedia ada berkemungkinan besar akan terjejas.

“Perubahan pasaran buruh adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Peningkatan penggunaan aplikasi digital contohnya mempengaruhi cara, tempat dan tempoh masa bekerja.

“Ini akan mempengaruhi struktur pengeluaran industri dan perniagaan. Sejauhmana perubahan ini mempengaruhi produktiviti dan pendapatan masih belum jelas. Sumber penjana pendapatan rakyat juga akan berubah yang seterusnya akan memberi impak kepada pertumbuhan eko-

nomi melalui perubahan corak perbelanjaan,” katanya.

Mohd Yusof berkata, sebahagian sektor utama ekonomi negara terjejas teruk dan mengambil masa lebih lama untuk dipulihkan sebagai contoh sektor pelancongan.

Beliau berkata, jika wabak SARS mengambil masa sekitar tujuh bulan untuk sektor pelancongan dipulihkan, COVID-19 dijangka akan pulih sepenuhnya di awal 2022, bergantung juga kepada keyakinan pelancong.

Katanya, perlu diingatkan juga bahawa sektor pelancongan juga adalah salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan sektor pertanian, pembuatan makanan dan minuman, dan perhidmatan penyediaan makanan dan minuman.